

1976

KUALA LUMPUR, 29 JULAI (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU DAN RAKAN-RAKAN KABINETNYA AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN DARI MASA KE MASA DENGAN KALANGAN SWASTA BAGI MENGATASI MASALAH DI BIDANG PELABURAN.

BELIAU BERKATA, SELAIN BELIAU SENDIRI, MENTERI KEWANGAN, TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK HAMZAH ABU SAMAH AKAN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN BAGI MENOLONG MENGATASI MEREKA.

BELIAU BERJANJI, JIKA TERDAPAT SEBARANG KESULITAN DALAM PELAKSANAAN DASAR KERAJAAN 'KAMI AKAN MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN DEWAN-DEWAN TERSEBUT UNTUK MENGATASINYA. +

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU WAWANCARA DENGAN ASIA PACIFIC FORUM. KENYATAAN MENGENAINYA DISIARKAN DI SINI MALAM INI.

'KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN SEJUMLAH \$18.6 RIBU JUTA DALAM EKONOMI NEGARA BAGI TEMPOH LIMA TAHUN (HINGGA TAHUN 1980) DAN KERAJAAN MENGHARAPKAN KALANGAN SWASTA MELABURKAN KIRA-KIRA \$26 RIBU JUTA,' KATANYA. -- BERSAMBUNG 2347/ZCM

B688:

MAHATHIR-WAWANCARA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, JUMLAH TERSEBUT ADALAH \$15 RIBU JUTA LEBIH BESAR DARI PELABURAN SWASTA SEBENARNYA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA, TETAPI MATLAMAT ITU BUKANLAH MUSTAHIL DICAPAI.

+SEGALA USAHA SEDANG DILAKUKAN BAGI MEJUJDKAN IKLIM PELABURAN YANG LEBIH SESUAI UNTUK PARA PELABUR TEMPATAN DAN ASING. +

MENGENAI KESELAMATAN, DR. MAHATHIR BERKATA, KEADAAN DI NEGARA 'SEDIKIT' BERTAMBAH BURUK, TETAPI 'TIDAK BEGITU SERIUS'.

'KAMI TERPAKSA BANYAK BERCAKAP MENGENAI KESELAMATAN KERANA JIKA KAMI HENDAK MENGATASI MASALAH ITU, KAMI PERLU BERUSAHA AWAL-AWAL LAGI. +

+JIKA KAMI DIAMKAN MASALAH ITU MENJADI LEBIH BURUK SEBELUM BERTINDAK, KAMI TERPAKSA MENJALANKAN USAHA LEBIH BESAR KEMUDIANNYA DAN MENGHADAPI BERBAGAI MASALAH PULA,' TAMBAHNYA.

BELIAU MENYATAKAN: 'KAMI MAHU RAKYAT BERSIKAP SERIUS, SANGGUP MENGORBANKAN PEMBANGUNAN DAN LAIN-LAINNYA SUPAYA KAMI BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH INI DULU,' -- BERSAMBUNG 2350/ZCM

86

B689:

MAHATHIR-WAWANCARA 3 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN JUGA BERUSAHA MELAKSANAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN DENGAN TURUT MENITIKBERATKAN SOAL KESELAMATAN BAGI MENGHADAPI ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS.

MISALNYA, KATA BELIAU, DI KAWASAN-KAWASAN YANG DIKETAHUI TERDAPAT KEGIATAN KOMUNIS, KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN WANG YANG BANYAK UNTUK MEMBINA JALAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG PERLU.

INI MEMPUYAI DUA TUJUAN, BAGI MEMBOLEHKAN PASUKAN KESELAMATAN DIHANTAR SEGERA KE TEMPAT-TEMPAT BERKENAAN DAN MEMBOLEHKAN RAKYAT MENIKMATI FAEDAH PEMBANGUNAN.

MENGENAI HUBUNGAN LUAR, DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA SENTIASA MENGAMALKAN DASAR UNTUK BERKERJASAMA DENGAN LAIN-LAIN NEGARA, TANPA MENGIRA BENTUK KERAJAAN MEREKA.

'APA JUA BENTUK KERAJAAN MEREKA ADALAH SOAL DALAM NEGERI MEREKA SENDIRI. KAMI TIDAK MAHU CAMPURTANGAN DAN DEMIKIAN JUGA KAMI TIDAK MAHU MEREKA CAMPURTANGAN DALAM URUSAN DALAM NEGERI KAMI,' KATA BELIAU. -- BERNAMA 2355/A1